



*Dr Mahathir dan Imran Khan ketika mengadakan perbincangan dua hala di New York.*  
(Foto BERNAMA)

## Malaysia, Pakistan tubuh jawatankuasa perkemas peluang niaga

**Kuala Lumpur:** Malaysia dan Pakistan akan menubuhkan satu jawatankuasa bersama dalam usaha memperkemas lagi peluang perdagangan dan pelaburan di kedua-dua negara.

Ia antara hasil perbincangan dua hala di antara Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Pakistan, Imran Khan di New York pada Rabu.

“Kedua-dua pemimpin bersetuju menubuhkan satu jawatankuasa bersama bagi mengenalpasti peluang perdagangan dan pelaburan di Malaysia dan Pakistan,” kata Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menerusi Twitternya, semalam.

Mohamed Azmin yang turut hadir pada perbincangan itu bersama-sama Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata kementeriaannya akan mengambil tindakan segera bagi menerajui inisiatif berkenaan.

Dr Mahathir dan Imran Khan berada di New York untuk menghadiri Sesi Perhimpunan Agong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Ke-74.

Sementara itu, Malaysia, Pakistan dan Turki membuat keputusan menubuhkan bersama sebuah

rangkaian berbahasa Inggeris untuk menangani isu Islamofobia dan menjelaskan mengenai agama Islam.

Perkara ini dinyatakan oleh Imran Khan dalam akaun Twitternya.

“Presiden Erdogan, Mahathir dan saya sendiri mengadakan mesyuarat (Rabu) di mana kami membuat keputusan tiga negara ini akan memulakan bersama satu rangkaian berbahasa Inggeris bagi menangani cabaran dibawa oleh Islamofobia dan penjelasan mengenai agama Islam yang agung ini,” katanya. BERNAMA

*Kedua-dua pemimpin bersetuju menubuhkan satu jawatankuasa bersama bagi mengenalpasti peluang perdagangan dan pelaburan di Malaysia dan Pakistan*

*Mohamed Azmin Ali,  
Menteri Hal Ehwal Ekonomi*